

## **APLIKASI PEDOMAN NABAWI DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK TERHADAP PENCEGAHAN KETAGIHAN GAJET**

### **[THE ROLE OF PROPHET MUHAMMAD S.A.W IN EDUCATING CHILDREN AND ITS APPLICATIONS TO PREVENT GADGET ADDICTION AMONG CHILDREN]**

WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS WAN KHAIRULDIN<sup>1</sup>

WAN NUR IZZATI WAN NOR ANAS<sup>2</sup>

MOHAMAD ZAIDIN MAT@MOHAMAD<sup>1</sup>

WAN KHAIRUL AIMAN WAN MOKHTAR<sup>1</sup>

ABDUL HANIS EMBONG<sup>3</sup>

#### **Abstrak**

Pada hari ini, kemajuan teknologi berkembang pesat ke seluruh dunia. Termasuk negara Malaysia. Teknologi pada umumnya banyak memberi impak yang positif terhadap kelangsungan hidup masyarakat seharian seperti memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Salah satu teknologi yang sedang mendapat perhatian masyarakat termasuk kanak-kanak pada hari ini ialah gajet. Penggunaan gajet ini kadang-kadang menyebabkan masyarakat menjadi ketagih dalam menggunakannya sekiranya tidak dikawal. Situasi ini juga turut memberi kesan kepada kanak-kanak kerana kanak-kanak juga termasuk mereka yang mudah ketagih dalam menggunakan gajet. Walaupun penggunaan gajet memberikan kebaikan tetapi apabila penggunaannya secara melampau dan tidak terkawal ini akan memberi kesan buruk kepada kesihatan dan juga moral. Oleh itu, terdapat dua objektif utama artikel ini ditulis. Pertama, menjelaskan keburukan ketagihan gajet terhadap kanak-kanak dan objektif kedua pula adalah menganalisis peranan tarbiyah Rasulullah S.A.W dalam mendidik anak-anak dan aplikasi terhadap ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Bagi mencapai objektif-objektif tersebut, maka kaedah dokumentasi dijalankan. Data-data tersebut dikumpulkan dan dianalisis berdasarkan analisis kandungan bagi mengaplikasikan kaedah tarbiyah Rasulullah S.A.W dalam mendidik anak-anak bagi mengatasi masalah ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat tiga cara utama Rasulullah S.A.W dalam mendidik anak-anak yang wajar ditiru oleh ibu bapa dalam mengatasi ketagihan anak-anak seperti ibu bapa menjadi contoh teladan kepada anak-anak, berkomunikasi dengan anak dan pemilihan kawan-kawan bagi anak.

**Kata Kunci:** tarbiyah, gajet, kanak-kanak, rasulullah, komunikasi

---

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. MALAYSIA

<sup>3</sup> Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu. MALAYSIA

#### **Corresponding Author:**

WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS WAN KHAIRULDIN, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: [wanfirdaus@unisza.edu.my](mailto:wanfirdaus@unisza.edu.my)

## Abstract

Nowadays, technological advances are expanding rapidly around the world, including Malaysia. Technology has a lot of positive impacts on the survival of everyday society, such as meeting human needs and wants. One of the technologies that are gaining the community's attention, including children today, is gadgets. However, using these gadgets sometimes causes people to become addicted to using them if not controlled. This situation also affects children because children also include those who are easily addicted to using gadgets. Although gadgets provide benefits, when their use is excessive and uncontrolled, this will have a detrimental effect on health and morale. Therefore, there are two main objectives of this article written. First, to explain the disadvantages of gadget addiction in children, the second objective is to analyze the role of Prophet Muhammad s.a.w in educating children and its application to prevent gadget addiction. To fulfil the objectives, the documentation method is carried out. The data were collected and analyzed based on content analysis to apply the Prophet Muhammad s.a.w method in educating children to overcome gadget addiction among children. The study found three main ways of the Prophet Muhammad s.a.w in educating children imitated by parents in overcoming children's addictions such as parents being role models to children, communicating with the child and choosing friends.

**Keywords:** addiction, gadget, children, prophet, communication

### Cite This Article:

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Wan Nur Izzati Wan Nor Anas, Mohamad Zaidin Mohamad, Abdul Hanis Embong, Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar. (2021). Aplikasi Pedoman Nabawi Dalam Pendidikan Kanak-Kanak Terhadap Pencegahan Ketagihan Gajet. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(3), 103-110.

## PENGENALAN

Penggunaan teknologi informasi dan komunikasi dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia telah menjadi fenomena seiring dengan kepesatan kemajuan teknologi (Omar & Latip, 2015:1). Di samping itu, penggunaan teknologi komunikasi tanpa wayar turut menjadi fenomena masyarakat. Fenomena ini turut meliputi seluruh peringkat masyarakat tidak kira golongan yang sedang bekerja, sedang belajar malah kanak-kanak serta orang tua juga tidak terkecuali dalam menggunakan peranti teknologi atau lebih dikenali sebagai gajet. Menurut Beauty et al. (2015), gajet merupakan salah satu faktor kepada medium sosial untuk mudah dicapai. Hal ini lebih lebih lagi apabila di Malaysia, faktor perkembangan industri media penyiaran apabila kerajaan telah mengubah dasar yang membolehkan siaran televisyen satelit muncul dengan meminda akta penyiaran (Shima Dyana, Mohd Fazreedan & Siti Marziah Zakaria, 2018)

Antara contoh peranti pintar adalah telefon, radio, permainan video, komputer, telefon tangan pintar dan sebagainya (Shima Dyana, Mohd Fazreedan & Siti Marziah Zakaria, 2018:2). Walau bagaimanapun, menurut Norbaidurah Ithnain, Shazli Ezzat Ghazali dan Norrafizah Jaafar (2018), telefon pintar antara peranti teknologi yang mendapat perhatian setiap lapisan masyarakat kerana telefon pintar bersifat mudah alih yang mampu menyampaikan maklumat di hujung jari. Malah mempunyai ciri lain seperti internet, mesej, video, laman rangkaian social dan sebagainya yang sememangnya lengkap dengan kemudahan.

Malah ciri seperti internet itulah sememangnya faktor terbesar mengapa masyarakat menggunakannya tidak kira waktu sama ada siang dan malam (Johari Hassan dan Raja Shahrina Raja Abdul Rashid, 2012). Ini kerana kesemua maklumat dan informasi mudah didapati tanpa perlu bekerja keras untuk mendapatkannya (Wan Idros Wan Sulaiman et al. (2017).

## **METODOLOGI**

Kaedah dokumentasi digunakan dalam artikel ini bagi mendapatkan maklumat yang jelas berkaitan ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak dan tarbiyah Rasulullah S.A.W dalam mendidik anak-anak. Kaedah dokumentasi merupakan cara pengumpulan data dengan melaksanakan kajian terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungkait dengan kajian yang dilakukan (Abdul Halim Mat Diah,1987). Menurut Imam Barnadib (1982), dokumen – dokumen yang digunakan termasuklah peraturan-peraturan, catatan harian, buku, surat khabar, laporan dan sebagainya. Dokumen –dokumen klasik dan kontemporari juga dirujuk bagi mengumpul data- data bagi mendapatkan seberapa banyak maklumat berkaitan ketagihan.Selain itu juga untuk mendapatkan kesan ketagihan gajet kepada kanak-kanak sama ada dalam kesihatan atau dari sudut moral.

Melalui pengumpulan data ini, data-data ini akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan ini digunakan bagi meneliti dan menjelaskan tafsiran yang terdapat dalam dokumen. Hasil daripada analisis kandungan adalah akan mendapatkan kesimpulan yang bersistematik (Krippendorff, 2004; Rohana Yusof, 2004). Hasil analisis bagi artikel ini Peranan Tarbiyah Rasulullah S.A.W dalam Mendidik Anak dan Aplikasi dalam Menangani Ketagihan Gajet dalam Kalangan Anak-Anak

## **DAPATAN**

Artikel ini mempunyai dua perbincangan khusus.Pertama, Ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak dan keburukannya. Kedua, Tarbiyah Rasulullah S.A.W dalam mendidik anak-anak. Perbincangan ini akan mencapai objektif utama dalam mengaplikasikan tarbiyah Rasulullah S.A.W dalam mendidik anak-anak bagi menangani masalah ketagihan gajet yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak.

### **Pertama: Ketagihan Gajet dalam kalangan Kanak-kanak dan keburukannya kepada Kanak-Kanak**

Di dalam Islam, Islam mengakui bahawa Allah S.W.T menjadikan manusia sebagai makhluk yang mempunyai perasaan sayang atau rindu. Walau bagaimanapun, sekiranya perasaan tersebut tidak dapat dikawal secara baik dan teratur maka perasaan tersebut akan membawa kepada kesan yang tidak baik kepada individu tersebut.Perasaan inilah dikenali sebagai ketagihan.

Ketagihan sebenarnya mempunyai beberapa peringkat ketegaran. Ketegaran tersebut merupakan penyakit minda (Abdul Wahab Md Ali, 2017). Ketagihan merupakan ketegaran yang mempunyai tahap-tahap tertentu dan ketegaran tersebut merupakan penyakit minda.

Manakala ketagihan menurut Holden (2001), kebergantungan tubuh badan terhadap sesuatu perkara yang menjadikannya ikebergantungan tersebut berlarutan. Manakala definisi ketagihan yang diberikan oleh Noazleen Mohamad Noor (2015) mempunyai dua situasi. Pertama, ketagihan adalah apabila tubuh atau akal menginginkan sesuatu. Kedua, apabila akal dan tubuh mendapatkannya maka akal dan tubuh akan dapat berfungsi seperti biasa kembali.

Menurut Raja Hisyam Raja Zaid (2017), pada hari ini, kebanyakan masyarakat Malaysia khususnya mengalami ketagihan penggunaan gajet. Malah ketagihan gajet ini juga berlaku pada kanak-kanak (Shima Dyana, Mohd Fazreedan & Siti Marziah Zakaria, 2018). Ketagihan ini berlaku disebabkan penggunaan internet sangat mudah kerana dapat menggunakannya tanpa wayar atau dengan kata lain internet dapat dilayari tanpa menggunakan wayar. Malah, perkhidmatan penggunaan internet pada masa sekarang adalah murah (Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid, 2012). Malah, pada hari ini bukan sahaja telefon pintar, tab atau laptop sahaja yang boleh digunakan dengan internet, malah televisyen pada hari ini juga turut boleh digunakan dengan menyambung internet. Oleh itu, apabila menyebut penggunaan gajet, ia bukan terikat semata-mata kepada telefon pintar, tablet atau laptop semata-mata.

Ketagihan menggunakan gajet ini sebenarnya memberi kesan yang lebih buruk kepada individu. Hal ini sama dengan pandangan Linda L. Simmon yang mengatakan bahawa aktiviti ketagihan umumnya akan menyebabkan timbulnya kesan negatif kepada individu. Menurut Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah et al. (2017), umumnya, ketagih terhadap perkara harus dibataskan oleh hukum syarak iaitu penggunaan perkara tersebut dibenarkan selagi memberi manfaat kepada individu. Sekiranya, ketagihan tersebut memberikan kesan buruk maka ketagihan tersebut dilarang.

Umumnya di Malaysia, masyarakat mula ketagih dalam penggunaan gajet (Raja Hisyam Raja Zaid, 2017). Menurut Mohd Nasaruddin Parzi (2019), kanak-kanak di Malaysia membimbangkan kebanyakannya terpengaruh terhadap gajet. Hal ini apabila kajian mendapati bahawa 78.3 peratus ibu bapa di lembah Klang membenarkan anak-anak mempunyai gajet sendiri. Menurut Naquiah Nahar et al. (2017) bahawa terdapat satu kajian yang mendapati kanak-kanak Malaysia menghabiskan waktu bersama gajet secara purata selama 19 jam dalam tempoh 7 hari. Hal ini bertentangan dengan sangkaan ibu bapa mereka yang telah berpandangan bahawa anak mereka menggunakan gajet purata selama 11 jam seminggu.

Menurut Salmah Omar dan Malisah Latip (2015), terdapat konsultan Paedetrik dan Neonatologist menjelaskan bahawa plenggaraan gajet seperti telefon pintar, komputer dan sebagainya mempunyai lebih banyak kesan buruk berbanding kesan positif kepada kanak-kanak sekiranya mereka menggunakan gajet tanpa pemantauan daripada ibu bapa. Menurut beliau, kanak-kanak yang bermain dengan gajet melebihi dua jam akan menyebabkan mata mereka terjejas. Malah, akan menyebabkan mata mereka kabur dan menjadi rabun.

Selain itu, sekiranya kanak-kanak yang menggunakan gajet ini berada d dalam keadaan postur berbaring atau duduk terlalu lama, ia akan mengakibatkan kesakitan kepada tulang belakang kanak-kanak tersebut. Hal ini akan menyebabkan risiko untuk menjadi bongkok di usia yang muda tinggi.

Manakala bagi kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke atas, penumpuan mereka dalam pembelajaran akan terjejas apabila mereka terlalu obsess dengan gajet. Dari segi pergaulan dan komunikasi pula kanak-kanak akan mudah tidak sabar, menjadi pendiam dan yang lebih membimbangkan lagi kemahiran komunikasi kanak-kanak akan menjadi lemah serta

penguasaan terhadap penggunaan Bahasa juga tidak berkembang. Marzoli (2013) menyatakan penggunaan skrin sesentuh secara berlebihan akan mengakibatkan kanak-kanak tersebut mengalami kesan kesihatan untuk jangka masa panjang. Ini kerana semasa menggunakan skrin sesentuh, kanak-kanak tidak dapat membina otot yang diperlukan untuk menulis. Ini yang akan menyebabkan otot tangan menjadi lemah. Hampir tiga perempat kanak-kanak sekolah rendah dan dua pertiga daripada pelajar sekolah menengah dilaporkan mengalami masalah pada bahagian tengkuk dan belakang badan dalam tempoh setahun yang lalu (Salmah Omar & Malisah Latip, 2015).

Hal ini jelas bahawa penggunaan gajet yang berlebihan memberi kesan yang buruk kepada masyarakat lebih-lebih lagi kepada kanak-kanak. Kesan buruk ini mungkin tidak dapat dikesan awal tetapi ia akan memberi kesan pada masa yang akan datang terutamanya terhadap kesihatan dan mental. Malah juga akan memberi kesan kepada moral dan tingkah laku kanak-kanak. Oleh itu, permasalahan ini seharusnya mencari titik penyelesaian agar generasi akan datang adalah generasi yang sihat dari segi kesihatan dan moral.

## **Kedua: Tarbiyah Rasulullah S.A.W dalam mendidik anak-anak**

Anak-anak merupakan amanah yang Allah S.W.T kurniakan kepada mereka yang bergelar ibu dan bapa. Anak-anak secara umumnya dilahirkan dalam keadaan yang suci dari sebarang dosa. Oleh itu, ibu bapalah yang mencorakkan karakter anak-anak.

Rasulullah S.A.W merupakan role model atau manusia contoh yang wajar diteladani. Baginda diturunkan oleh Allah S.W.T ke dunia ini adalah untuk menjadi contoh kepada manusia dalam segenap hal dan salah satunya adalah pendidikan anak-anak. Tidak dinafikan lagi bahawa Islam mementingkan pendidikan atau tarbiyah anak-anak. Oleh itu, proses pendidikan boleh dilihat melalui teladan Rasulullah S.A.W. Antaranya adalah:

1. Ibu bapa menjadi contoh teladan kepada anak-anak.

Di dalam kehidupan seorang anak, ibu bapa merupakan figura terpenting di dalam kehidupan mereka. Ibu bapa menjadi contoh kepada anak-anak kerana setiap apa yang dilakukan oleh ibu bapa, anak-anak akan mengikutinya (Azizi Yahya et al., 2005). Bagi anak-anak, ibu bapa adalah manusia pertama dalam kehidupan mereka. Jadi, pengaruh kedua ibu bapa akan menjadi begitu kuat kepada anak-anak sehingga membentuk konsep sendiri sama ada terpengaruh dengan perkara positif atau sebaliknya. Setiap apa yang dilihat anak-anak seperti percakapan, tutur kata, tingkah laku ibu bapa semuanya akan mempengaruhi anak-anak (Abdullah Nasih Ulwan, 2012).

Menurut Naimah Ghazali, Khadijah Abdul Razak dan Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis (2016), kaedah menjadi contoh ini merupakan kaedah yang paling efektif yang telah disebut di dalam al-Quran dan hadis. Rasulullah S.A.W sendiri menjadi contoh yang terbaik kepada umatnya termasuk anak-anak baginda. Hal ini telah dijelaskan dalam firman Allah S.W.T dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan

(balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang.”

(Surah al-Ahzab,33:21)

Apabila melihat keperibadian Rasulullah S.A.W, baginda mempunyai keperibadian dan akhlak yang terpuji. Bahkan baginda sangat menjaga akhlak baginda di hadapan anak-anak. Hal ini perlu dicontohi oleh ibu bapa kerana anak-anak menjadikan ibu bapa mereka sebagai contoh terutamanya dalam membentuk peribadi mereka. Hal ini boleh dilihat di dalam hadis yang bermaksud:

“Muliakanlah anak kamu dan cantikkanlah budi pekerti mereka.”

(Riwayat Ibnu Majah)

Di dalam situasi ketagihan gajet ini, salah satu cara adalah ibu bapa perlu menjadi contoh kepada anak-anak. Ibu bapa perlu menjauhi gajet ketika bersama anak-anak kerana untuk mengelakkan anak-anak terpengaruh untuk bermain gajet dan seterusnya menjadi ketagih (Siti Nadirah Hafidzin, 2018). Terdapat kes ibu bapa yang menggunakan gajet di hadapan anak dan menyebabkan anak-anak terikut menggunakan gajet.

Oleh itu, jelaslah bahawa ibu bapa perlulah mengurangkan penggunaan gajet di hadapan anak-anak. Malah, ibu bapa perlu mencari masa yang terluang agar tidak menggunakan gajet ketika bersama dengan anak-anak agar anak-anak tidak berasa tersisih yang akan menyebabkan anak-anak terpengaruh dengan gajet(Nurhamizah Hashim dan Asbah Razali,2009).

## 2. Berkomunikasi dengan Anak

Islam adalah agama yang mengajar manusia untuk saling berkasih sayang. Terutamanya menunjukkan kasih sayang ibu bapa kepada anak-anak. Hal ini juga turut dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas r.a yang bermaksud:

“Dan Anas mengatakan bahawa dia berjalan bersama-sama dengan Rasulullah S.A.W dan apabila menghampiri kanak-kanak,baginda memberi salam kepada mereka.”

(Riwayat Muslim)

Selain itu, apabila anak-anak merasa kasih sayang dari ibu bapa mereka, akan wujud kemesraan antara mereka. Malah, kemesraan ini akan menimbulkan komunikasi yang berkesan sesama mereka. Kesannya, sudah pasti anak-anak tidak akan terasa kosong dalam menjalani kehidupan sehariannya. Malah, mereka pasti akan lebih suka menghabiskan waktunya dengan meluangkan waktu bersama ibu bapa tanpa memerlukan gajet menjadi aktiviti harian mereka (Zakiah Jamaluddin & Ismail Kiprawi, 2004).

Sekiranya tiada komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak, anak-anak akan mencari solusi lain untuk berkomunikasi dengan orang selain ibu bapa. Salah satu kegunaan gajet seperti telefon pintar adalah berhubung dengan orang lain. Hal ini pasti akan merenggangkan hubungan ibu bapa dan anak-anak(Alzahrin Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi (2015).

### 3. Pemilihan Kawan-Kawan bagi Anak-Anak

Di dalam Islam, Islam menganjurkan pemilihan individu yang baik akhlaknya untuk dijadikan kawan. Hal ini jelas ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W yang jelas menggesa ibu bapa agar memilih kawan kepada anak-anak. Terdapat sebuah hadis dari Abu Musa Al-Asy'ari r.a. bahawa Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

“Perumpamaan antara seseorang teman yang soleh dengan seorang teman yang buruk bagaikan pembawa minyak kasturi dengan peniup dapur api. Pembawa minyak kasturi itu boleh jadi akan memberimu atau engkau membeli darinya atau juga kamu mendapat harum dari wangiannya, sedangkan peniup dapur api boleh jadi ia akan membakar pakaianmu atau engkau akan mendapat bau busuk darinya.”

(Riwayat dari Abi Daud dan Tarmizi)

Pemilihan kawan kepada anak-anak penting agar anak-anak tidak terpengaruh dengan kawan-kawan mereka yang memiliki dan ketagih dengan gajet. Malah, sebenarnya anak-anak yang memiliki gajet seperti telefon pintar boleh berkomunikasi dengan kawan-kawan mereka menerusi aplikasi seperti facebook, whatsapp dan sebagainya. Aplikasi sebegini menyebabkan anak-anak terleka dan asyik dengan gajet. Menurut Johari Hassan dan Raja Shahrina Raja Abdul Rashid (2012), 20.4% daripada 168 responden bersetuju bahawa responden (pelajar sekolah) sanggup menghabiskan masa dengan berkomunikasi (chat) dengan kawan. Ini juga bermaksud anak-anak ketagih dengan gajet kerana menghabiskan masa semata-mata untuk chat dengan kawan-kawan.

Oleh itu, ibu bapa perlu memantau anak-anak termasuk dengan siapa anak-anak berkawan walaupun di dalam media sosial. Ini kerana pengaruh rakan di media massa juga membawa kesan kepada moral dan tingkah laku anak-anak terutamanya dalam masalah ketagihan gajet (Razif Rosli, 2018).

## KESIMPULAN

Ketagihan gajet merupakan masalah yang membimbangkan dan wajar diberi perhatian. Ini kerana ketagihan gajet ini bukan sahaja mendatangkan kesan negative kepada kesihatan tetapi kepada moral dan sahsiah anak-anak. Malah, anak-anak secara fitrahnya perlu bermain, belajar dan melakukan aktiviti yang berfaedah untuk membentuk keperibadian yang baik.

Ibu bapalah sebenarnya yang wajar mengambil inisiatif dan memainkan peranan dalam mengatasi ketagihan gajet dalam kalangan anak-anak. Hal ini kerana kebiasaan anak-anak bermain gajet di rumah. Oleh itu, ibu bapa perlulah mencontohi tarbiyah Rasulullah S.A.W dalam mendidik anak-anak kerana Rasulullah S.A.W merupakan figura atau role model dalam mendidik anak-anak. Antara cara Rasulullah S.A.W dalam mendidik anak-anak yang wajar ditiru oleh ibu bapa dalam mengatasi ketagihan anak-anak seperti ibu bapa menjadi contoh teladan kepada anak-anak, berkomunikasi dengan anak dan Pemilihan Kawan-Kawan bagi Anak-Anak.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), FRGS/1/2019/SSI03/UNISZA/02/2 (Pembinaan Model Holistik Pemulihan Ketagihan Gajet Berteraskan Islam: Penilaian Semula kepada Pengurusan Ketagihan di Malaysia). Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) atas peruntukan yang diberikan.

## RUJUKAN

- Abdullah, S.F.S., Yusoff, K., Zakarao, A., Ismail, F.A. & Sabtu, N. (2017), Penjagaan Akal Menurut Perspektif Islam dalam Konteks Maqasid Syariah. 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017), 14-15 November 2017, Avillion Hotel Melaka.
- Ali, A.W.M. (2017), Analisis terhadap Tahap-Tahap Ketagihan Menurut Teori al-'Ishq Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Al-Hikmah*, 9(1). pp. 49-59.
- Arif Rahman Hakim & Abdul Halim. Solo : Insan Kamil
- Azizi Yahya(2008),*Keluarga dalam Pembentukan moral.*
- Barnadib, I. (1982). *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan.* Yogyakarta:Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.
- Diah, A.H.M. (1987),*Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi.* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Fazree, S.D.M. & Zakaria, S.M. (2018), Kesan Penggunaan Gajet kepada Perkembangan Kognitif Sosial Kanak-Kanak Prasekolah, *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4). 1-6.
- Ghazali, N., Razak, K.A., & Lubis, M.A.L.A. (2016), *Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam Isu dan Cabaran.* Selangor: Penerbit UKM.
- Hashim, N. & Razali, A. (2009), Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibu bapa dan Anak-Anak. *Malaysian Journal of Communication*. 35(4). pp. 337-352.
- Hassan, J. & Rashid, R.S.R.A. (2012), Ketagihan Penggunaan Internet di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 di Bandaraya Johor Bharu, *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6(2012). 23-43.
- Holden, C. (2001). 'Behavioral' addictions: do they exist? *Science*, 294(5544), 980-982.
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology* (2<sup>nd</sup> ed). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Manumpil, B., Ismanto, Y. & Onibala, F. (2015). Hubungan Penggunaan Gadget Dengan Tingkat Prestasi Siswa Di Sma Negeri 9 Manado. *E-journal Keperawatan (e- Kep)*, 3(2), 1-6.
- Nahar, N., Sangi, S., Salvam, D., Rosli, N. & Abdullah, A.H. (2017), Impak Negatif Teknologi Moden dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-Kanak hingga Usia Remaja, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 01 (2018) pp. 87-99
- Omar, S. & Latip, M. (2015), Pengaruh Peranti Teknologi kepada Perkembangan Sosial dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak, *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 1. Pp. 1-12.
- Simmons, L.L. (2008). *The Everything Health Guide to Addiction and Recovery: Control your Behaviour and Build a Better Life.* Adam's Media.
- Sulaiman, W.I.W., Noor, N.M., Salman, A. & Mahbob, M.H. (2017), Pengaruh Teknologi Komunikasi terhadap Keorganisasian di Jabatan Penyiaran Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 12 (1). 110-128
- Ulwan, A.N. (2012), *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam.* Solo: Insan Kamil.
- Ulwan, Abdullah Nashih. 2012. *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam.* Terj.
- Yusof, R. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial.* Selangor: PTS Publication dan Distributors.